

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROFESOR DR AHMAD TAUFEEK
ABDUL RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS SERAHAN SURAT
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

11 JULAI 2025 | JUMAAT | 8.30 PAGI

DEWAN ANGGERIK SARI

PLAZA SATELIT B

KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih pengerusi majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Puan Alfina Bakar

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan

YBrs. Profesor Dr Mohamad Hafiz Mamat

Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi)

YBrs. Profesor Dr Norazmir Md Nor

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)

YBrs. Profesor Dr Mohd Hafiz Mohd Hanafiah

Timbalan Rektor (Hubungan Industri, Komuniti,
Alumni & Keusahawanan; iCARE)

Barisan Ketua Bahagian dan Ketua Unit

Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, atas limpah kurnia-Nya serta kesempatan dan ruang yang diberikan, dapat kita bersama-sama bagi sesi **penyerahan surat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024 peringkat UiTM Cawangan Selangor.**
2. TAHNIAH saya ucapkan kepada kesemua penerima APC bagi tahun 2024 – iaitu seramai 46 orang staf yang terdiri dari;
 - Kampus Puncak Alam : 28 orang
 - Kampus Puncak Perdana : 7 orang

- Kampus Sg Buloh : 10 orang
- Kampus Selayang : 1 orang

3. Saya melihat Penganugerahan APC ini sebagai ruang bagi menghargai staf yang telah menunjukkan prestasi kerja dan pencapaian yang berimpak dan membanggakan.
4. Pengiktirafan ini bukan sahaja mencerminkan usaha gigih dan komitmen kerja yang tinggi, malah telah menyumbang kepada pencapaian UiTM Cawangan Selangor yang cemerlang bagi tahun 2024.
5. Besarlah harapan saya agar pengiktirafan yang diberikan ini menjadi pendorong dan pembakar semangat tuan-tuan dan puan-puan untuk terus meningkatkan kecemerlangan pada masa akan datang.

6. Semoga pengiktirafan ini menyuntik semangat baharu dan menjadi pemangkin kepada budaya kerja yang lebih progresif, efisien dan berintegriti.
7. InsyaAllah, kita akan meraikan tuan-tuan dan puan-puan dalam satu Majlis Apresiasi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang akan diadakan kelak.
8. Akhir kata, sekalung tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada semua penerima APC 2024.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**